

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 23 Februari 2016 17:12
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SUBURKAN VARIASI KERJASAMA UUM - RITSUMEIKAN UNIVERSITY, JEPUN



23 FEBRUARI 2016 / 14 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SUBURKAN VARIASI KERJASAMA UUM – RITSUMEIKAN UNIVERSITY, JEPUN



ANJUNG TAMU ONLINE: Langkah demi langkah terus dipergiatkan untuk mempromosikan Discover UUM 2016 seiring dengan budaya tetamu, pelancong dan pelanggan UUM yang berminat melawat tempat-tempat yang mempersonakan, menyejuk mata dan penenang jiwa di samping bergambar kenangan di kampus.

Dalam konteks ini, tiga tetamu antarabangsa tidak melepaskan peluang dengan melangkah masuk ke Welcome Centre malahan membawa sinar dari negara matahari terbit. Hadir sama, Dekan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM COB, Dr. Hendrik Lamsali dan Pengarah Pusat Hal Ehwal & Kerjasama Antarabangsa (CIAC), Dr. Mohamd Faizal Rajemi.

Umum mengetahui, arus pemodenan negara Jepun jauh berbeza dengan Malaysia, namun mereka yang memegang jawatan penting di Ritsumeikan University, Japan diketuai oleh Director, International Center at Biwako – Kusatsu Campus, Prof.

Tsukasa Yamanaka, Assistant Administrative Manager, Maruyama Kanako serta Aki Kimura tetap bertekad menjalin kolaborasi UUM.

Dalam pada itu, paparan indah landskap menyambut kehadiran mereka sambil memberi kesegaran minda tentang sejarah penubuhan UUM yang bermula pada tahun 1984 hingga mencapai usia 32 tahun.

Sejurus selepas mendapat informasi di Welcome Centre, Prof. Tsukasa berkata antara tujuan mereka ialah “To enhance bilateral partnership between our universities”. Tambahnya, “Very good and comfortable environment for our students to live and study”.

Selain itu, bagaikan tidak lengkap jika tetamu yang datang dari jauh tidak menikmati keindahan flora dan fauna kampus dan fasiliti, oleh itu trem tersedia menunggu bagi membawa tetamu untuk Discover UUM.

Malah, kata Prof. Tsukasa sebelum menaiki trem, “Ritsumeikan University is looking forward to strengthen our relationship for the future”.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

